

KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI EMPAT BUAH KELAS PRASEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DI NEGERI SELANGOR DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN PENGAJARAN GURU

Norsita Ali¹, Zainal Madon¹, Hanifah Mahat²

Universiti Putra Malaysia¹, Universiti Pendidikan Sultan Idris²

ABSTRAK

Kebolehan berfikir secara kreatif atau pemikiran kreatif merupakan suatu elemen kreativiti yang perlu ada pada seseorang individu. Pemikiran kreatif perlu dipupuk di peringkat prasekolah kerana di peringkat ini kanak-kanak kecil telah mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah. Namun, terdapat kajian yang menjelaskan guru kurang berjaya mencungkil kreativiti pelajar. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan hubungan kreativiti dengan amalan pengajaran guru yang terdiri daripada tujuh komponen: (i) Kebebasan, (ii) Integrasi, (iii) Motivasi, (iv) Penyoalan, (v) Komunikasi Bukan Lisan, (vi) Kemesraan dan (vi) Pematuhan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang melibatkan kanak-kanak di empat buah kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia di Negeri Selangor. Responden terdiri daripada 50 kanak-kanak yang mengambil ujian kreativiti dan melalui soal selidik. Statistik deskriptif dan korelasi digunakan bagi melihat hubungan kreativiti dengan amalan pengajaran guru. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan ($r=.373^{**}$; $P < 0.05$) antara komponen kebebasan dan kreativiti. Namun, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara komponen-komponen amalan pengajaran guru yang lain dan secara keseluruhannya dengan kreativiti kanak-kanak. Kesimpulan kajian menunjukkan bahawa; kebebasan yang diberi oleh guru mempengaruhi kreativiti kanak-kanak. Oleh itu, kajian lanjut dengan sampel yang lebih besar perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Faktor lain seperti persekitaran keluarga dan tingkah laku kanak-kanak juga perlu dikaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Kata kunci: pemikiran kreatif, amalan pengajaran guru, kebebasan, kepatuhan, motivasi

ABSTRACT

*Ability to think creatively or creative thinking is an essential element of creativity that exists in an individual. Creative thinking needs to be fostered in preschool because at this level the young child has had the ability to solve problems. However, there are studies that show teachers less successful to elicit students' creativity. Therefore, this paper discusses the relationship between creativity and teaching practice that consists of seven components: (i) Freedom, (ii) Integration, (iii) Motivation, (iv) Questioning, (v) Non-Verbal Communication, (vi) Friendliness and (vi) Compliance. This study represents a survey involving children in four Ministry of Education Malaysia's preschool classes in the State of Selangor. Respondents consisted of 50 children who took the creativity test and through questionnaires. Descriptive statistics and correlations are used to determine the correlation between creativity and teachers' teaching practice. The results showed significant relationship ($r = .387 **$, $P < 0.05$) between the components of freedom and creativity. However, there was no significant relationship between the components of other teachers teaching practices and overall with childrens creativity. Conclusion, the study shows that; the freedom given by teachers influence children's creativity. Therefore, further studies with larger samples should be carried out to obtain a clearer picture. Other factors such as family environment and children's behavior also need to be studied to obtain a more comprehensive picture of the factors that affect the preschool children's creativity*

Keywords: creative thinking, teaching practices, freedom, compliance, motivation

PENGENALAN

Pemikiran kreatif merupakan suatu elemen kreativiti yang perlu ada pada seseorang individu yang boleh digambarkan sebagai satu siri dimensi atau sifat-sifat keupayaan individu untuk menghasilkan idea yang berharga, tugas baru dan boleh dilaksanakan, bakat yang unik atau menggunakan imaginasi yang menjadi asas bidang seni, sains, falsafah dan teknologi (Amabile, 1996; Chávez-Eakle et al., 2012; Tareq, 2010; Zabelina & Robinson, 2010). Pemikiran kreatif melibatkan penjanaan dan kewujudan sesuatu dengan mengubah suai apa yang telah sedia ada atau malah melangkaui kemungkinan yang akan berlaku pada sesuatu masa atau keadaan. Selain itu, individu yang kreatif juga akan terus maju ke hadapan, sentiasa mencabar diri sendiri untuk melakukan yang lebih baik dan melihat sesuatu dengan cara baru (Kaufman & Sternberg, 2007).

Keupayaan masyarakat berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif akan menentukan kemajuan sesebuah negara dan menjadi antara satu faktor utama yang memacu tamadun ke hadapan (Grabner, Fink, & Neubauer, 2007; Hennessey & Amabile, 2010 dan Keong, 2011). Justeru, pemupukan kreativiti perlu dijalankan di peringkat prasekolah kerana mereka merupakan tonggak utama yang akan memajukan negara pada masa hadapan (Chae, 2003; Kim, 2011). Jika dilihat dari kajian luar negara, Pertubuhan Guru Kebangsaan Ireland mengulas pendapat UNESCO yang menegaskan bahawa galakan kreativiti dari usia awal merupakan satu jaminan terbaik bagi pertumbuhan harga diri (*self-esteem*) dan saling menghormati iaitu unsur penting bagi pembinaan budaya yang aman dalam persekitaran yang sihat (Irish National Teachers', 2009). Malah pembangunan kreativiti kanak-kanak di sekolah juga menjadi penyumbang kepada kemajuan kualiti hidup kanak-kanak dan masyarakat serta merupakan aset negara pada masa hadapan (Dababneh, Ihmeideh, & Omari, 2010; KPM, 2011)

Sebahagian besar pengkaji (antaranya Al Thani, 2010; Leo, 2008; Makhmalbaf & Do, 2007; Yew, 2011) berpendapat setiap orang mempunyai ciri kreativiti sejak lahir dan secara semula jadi serta mempunyai potensi untuk menjadi kreatif dengan cara tersendiri. Malah, kanak-kanak di peringkat awal usia juga telah mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah (Heyman & Gelman, 2000; Neitzel & Stright, 2004; Yeh & Li, 2008). Dengan adanya kreativiti pelajar-pelajar berpeluang menyatakan pengetahuan mereka tanpa sebarang halangan (Al Thani, 2010). Begitu juga Ikhsan dan Norila (2005), berpandangan bahawa usaha bagi menggalakkan para pelajar berfikir secara kreatif dan kritis ini mestilah dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi kerana inilah masa yang paling sesuai untuk meletakkan batu asas bagi pelaksanaan pendidikan seterusnya. Oleh itu, daya kreativiti dan inovasi kanak-kanak perlu dipupuk dan dibangunkan ke paras optimum agar mereka sedar tentang potensi dan kecenderungan diri. Seterusnya dapat mencungkil bakat yang ada dalam diri, berdaya cipta dan berkemampuan menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti agar menjadi amalan dan budaya dalam kehidupan pada masa hadapan (KPM, 2011).

Dalam usaha memupuk kreativiti dalam kalangan kanak-kanak, guru merupakan salah satu komponen penting (Al-Thani, 2011; Chien & Hui, 2010; Dababneh, Ihmeideh & Omari, 2010; Farella, 2010; Jindal-Snape et al., 2013; Kampylis, 2010; Kampylis, Berki & Saariluoma, 2009; Kampylis, Saariluoma & Berki, 2011; Sharma, 2011). Ini turut diakui oleh Chein dan Hui (2010), yang mengatakan kreativiti kanak-kanak prasekolah sebahagian

besarnya bergantung kepada konsepsi dan penyampaian guru dalam pendidikan kreativiti seperti autonomi tugas, tindak balas penilaian dan penghargaan. Selain itu, guru boleh menggalakkan kreativiti dengan bertanya soalan terbuka, toleransi kekaburuan, menjadi model pemikiran dan tingkah laku kreatif, menggalakkan eksperimen dan ketabahan serta menghargai kanak-kanak yang memberikan jawapan yang tidak diduga (Al Thani, 2010). Kreativiti juga boleh ditingkatkan dengan cara mengawal dan menyokong pelajar untuk mengambil risiko dengan kesimbangan antara struktur dan kebebasan.

Guru dan orang dewasa juga dapat mencetuskan perasaan ingin tahu kanak-kanak, sama ada secara langsung, melalui model dan galakan, atau tidak langsung, melalui aktiviti-aktiviti dan bahan-bahan yang mereka berikan (Engel dan Randall, 2009). Pendekatan ‘bermain’ perlu diterapkan ke dalam bilik darjah di semua peringkat. Selain itu, guru perlu memberi kebebasan dengan cara menggunakan masa secara fleksibel, membenarkan kanak-kanak mengikut kadar mereka sendiri, membina hubungan yang baik dengan pelajar, saling menghormati, menjadi model sikap kreatif, fleksibiliti dan dialog. Pelajar juga perlu diberi peluang bekerjasama dengan rakan-rakan mereka. Ganjaran juga perlu diberikan terhadap idea pelajar yang baharu, unik dan kreatif (Beghetto, 2007; Jindal-Snape, Davies, Collier, et.al., 2013).

Walau bagaimanapun, hasil kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah masih berpusatkan guru (Hamidah, 2004; Khairuddin, 2008; Seman, 2004; Zulkiflie, 2004) sedangkan aspek kreativiti ini perlu diberi perhatian secara menyeluruh dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang menjadi asas pendidikan formal. Sekiranya hal ini masih berlaku, maka hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan berfikiran kreatif mungkin

sukar untuk dicapai. Hasil kajian Idris (2002), menjelaskan bahawa guru bukan sahaja mengawal dan menguasai persekitaran pengajaran dalam kelas tetapi guru juga banyak mengutarakan soalan-soalan tertutup. Selain itu, guru kurang yakin untuk melaksanakan amalan pemikiran kritis dalam pengajaran mereka (Balakrishnan, 2002; Khairuddin, 2008; Mohd Alias, 2003). Malah Balakrishnan (2002), turut menegaskan bahawa guru-guru siswazah kurang menerapkan unsur KBKK sama ada semasa merancang atau pelaksanaan pengajaran menerusi teknik penyoalan, penggunaan alat bantuan mengajar serta menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, sebahagian kajian menunjukkan bahawa guru-guru lebih menyukai dan menerima kanak-kanak atau pelajar yang mempunyai tingkah laku tidak kreatif seperti kepatuhan yang tinggi dan penerimaan kuasa guru yang tidak berbelah bahagi (tanpa soal) berbanding dengan pelajar kreatif (Kwang & Smith, 2004; Runco, 2003, Westby & Dawson, 1995). Ini adalah kerana pelajar kreatif akan menyukarkan tugas guru mengajar serta mengganggu mengekalkan arahan dan disiplin kelas (Scott, 1999). Walau bagaimanapun hasil kajian Hook & Tegano (2002), menunjukkan bahawa kanak-kanak yang sangat patuh dan sangat tidak patuh memperoleh skor yang rendah dalam ukuran kreativiti kerana kebebasan bersuara. Kanak-kanak yang bebas untuk menerima atau menolak pilihan berdasarkan pilihan peribadi (kebebasan bersuara) mungkin lebih sesuai untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah secara kreatif.

Hasil kajian Erin (2007), menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kualiti hubungan guru dan kanak-kanak dengan pencapaian. Tingkah laku guru seperti interaksi guru – kanak-kanak (Mashburn et. al, 2008; Peisner-Feinberg et.al, 2001), keadaan emosi (Mashburn et. al, 2008), dan penyediaan aktiviti (Howard-Jones, Taylor, & Suton, 2002) boleh mempengaruhi perkembangan sosial, kognitif dan perkembangan kreativiti kanak-kanak (Erin, 2010). Kajian Mashburn et.al, (2008), menunjukkan bahawa kualiti interaksi antara guru dan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Kajian ini juga menunjukkan bahawa usaha untuk menggalakkan interaksi dengan guru yang menyokong dari segi pengajaran dan emosi boleh membantu kanak-kanak mendapat manfaat besar daripada pengalaman pre-K mereka dan lebih bersedia untuk sekolah.

Sikap guru yang menggalakkan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak di dalam bilik darjah juga akan memberi kesan positif terhadap motivasi, pencapaian, kreativiti, keyakinan diri dan sikap terhadap sekolah (Amabile, 1986; Clark, 2004; Piirto, 1998; Runco, 1990). Seterusnya ia juga boleh mempengaruhi kompetensi kanak-kanak pada masa akan datang (Davis & Rimm, 2004). Hasil kajian Beghetto, (2007), pula menunjukkan ramai guru tidak berminat menerima idea baharu pelajar mungkin disebabkan idea-idea baharu ini adalah tidak dijangkakan sehingga guru menolak atau mengabaikan idea tersebut. Hasil kajian Kennedy (2005), menunjukkan bahawa guru biasanya menolak idea pelajar yang tidak diduga dan penolakan ini membawa masalah dalam memupuk pemikiran kreatif pelajar. Hasil kajian Dababneh et.al (2010), menunjukkan bahawa amalan

guru dalam membangunkan kreativiti adalah antara menuaskan dan baik. Manakala Amabile (2005) merumuskan bahawa ganjaran luaran, tekanan untuk mencapai matlamat, pilihan yang terhad, pembelajaran hafalan, sering mengalami kegagalan, menilai dan kekurangan peluang sering menjadi faktor-faktor yang melemahkan serta boleh memusnahkan dan menghalang kreativiti di dalam bilik darjah. Oleh sebab itu kajian ini amat perlu dijalankan untuk meneroka keadaan sebenar ketika guru berada di dalam kelas sama ada guru menggalakkan pemikiran kreatif atau sebaliknya.

PENYATAAN MASALAH

Walaupun telah banyak usaha pemupukan kreativiti dilakukan oleh kerajaan tetapi, amalan kreativiti dalam kalangan rakyat masih lagi rendah. Sehubungan itu, penyelidik dapat merumuskan bahawa terdapat masalah berkaitan dengan pemupukan kreativiti dalam kalangan pelajar khususnya kanak-kanak prasekolah. Walaupun dilahirkan dengan sifat kreatif secara semula jadi, tetapi kreativiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah semakin merosot dan sederhana (Engel & Randal, 2009; Kim, 2011; Lau & Cheung, 2010; Norsita, 2005). Hasil tinjauan awal Norsita (2014), mendapati guru menyatakan kanak-kanak prasekolah di Malaysia juga kurang kreatif dan ini akan memberi kesan buruk kerana mereka akan tercicir dan kurang keyakinan diri.

Kreativiti kanak-kanak berkurangan ketika memasuki tadika disebabkan mereka telah mula terikat dengan pematuhan dan peraturan, kawalan, tekanan kumpulan dan norma-norma sosial yang semakin bertambah di sekolah (Torrance, 1997; Lim & Smith, 2008). Selain itu, guru kurang berjaya mencungkil kreativiti pelajar antaranya adalah disebabkan oleh sikap negatif guru ketika di dalam kelas (Al-Thani, 2010; Beghetto, 2007; Beghetto, 2013; Cropley, 2010; Gralewski & Karwowski, 2012; Karwowski, 2007; Lim & Smith, 2008; Schracter, Thum & Zifkin, 2006; Sharma & Chaulan, 2010), terlalu memberi fokus kepada akademik (Chan, 2005; Feldman dan Benjamin, 2006; Cameron, 2010) dan terlalu menekankan kawalan bilik darjah (Jingbo & Elicker, 2005). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, selain sikap guru dan terlalu berorientasikan akademik, guru juga didapati mempunyai bebanan kerja yang berat antaranya adalah bilangan kanak-kanak yang ramai di dalam satu kelas (25 orang), kurang masa untuk membuat persediaan dan kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian (Norsita, 2014).

Kelemahan pemupukan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak kecil ini perlu dipandang serius oleh semua pihak khususnya para guru prasekolah dan pentadbir sekolah. Ini adalah kerana kanak-kanak prasekolah merupakan bakal pewaris dan modal insan negara pada masa hadapan (Chae, 2003; PERMATA, 2013). Isu ini amat membimbangkan dan jika tidak diatasi akan memberi kesan ke atas amalan kreativiti masyarakat, seterusnya mempengaruhi perkembangan dan kemajuan negara yang menuju ke arah sebuah negara maju pada tahun 2020 (Butcher & Niec, 2012; Chan, 2005; Makhmalbaf & Do, 2007; Muhyiddin, 2011). Tambahan pula pengkaji terdahulu (antaranya Dababneh et al, 2010; Farella, 2010; Makhmalbaf & Do, 2007; Yeh & Li, 2008), menegaskan bahawa kajian secara empirikal berkaitan dengan kreativiti yang mengkhusus kepada kanak-kanak prasekolah masih kurang dilaksanakan dan sering diabaikan. Oleh itu penyelidik mengambil inisiatif menjalankan kajian terhadap perkaitan antara amalan pengajaran guru dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah untuk menambahkan literatur dan mengisi kelompongan yang ada iaitu kekurangan kajian empirikal terhadap kreativiti kanak-kanak prasekolah sebagai sampel kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap dan hubungan kreativiti dengan amalan pengajaran guru dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Metodologi

Kajian ini adalah tinjauan awal sebelum kajian diteruskan dengan jumlah responden yang lebih ramai termasuk lokasi sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan menggunakan ujian dan soal selidik. Ujian kreativiti dijalankan ke atas 50 orang kanak-kanak prasekolah daripada empat buah kelas prasekolah KPM di negeri Selangor. Manakala soal selidik telah dibacakan oleh pengkaji secara *one to one*. Pemilihan responden dalam kalangan kanak-kanak adalah secara rawak mudah. Analisis statistik deskriptif melibatkan maklumat pengiraan menggunakan frekuensi, peratus, skor min dan sisihan piawai bagi tahap kreativiti kanak-kanak dan amalan guru di dalam kelas. Menurut Mohd Majid (2005), penyelidikan deskriptif adalah penyelidikan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku. Noraini (2010) menjelaskan menerusi kaedah ini pengkaji boleh mengetahui, menganalisis atau memperakui masalah fenomena tersebut. Ujian korelasi juga digunakan

dalam melihat hubungan antara tahap kreativiti dengan amalan pengajaran guru.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengukur kreativiti kanak-kanak adalah alat ujian TCT-DP (*Test for Creative Thinking – Drawing Production*) yang telah dibangunkan oleh Urban dan Jellen (2010). Bagi mengukur amalan pengajaran guru pula, pengkaji telah membina soal selidik (instrumen) sendiri dan telah disemak oleh pakar.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menujukkan profil responden kajian yang terdiri daripada 50 orang responden, iaitu 22 orang (44%) adalah kanak-kanak lelaki dan 28 orang (56%) adalah kanak-kanak perempuan. Dari segi lokasi pula, bandar dan luar bandar adalah sama banyak iaitu sebanyak 25 orang (50%) setiap satu.

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Kategori	Sub Kategori	Bil	Peratus
Jantina	Lelaki	22	44%
	Perempuan	28	56%
Lokasi	Bandar	25	50%
	Luar Bandar	25	50%

Tahap Kreativiti Kanak-kanak Kecil

Kreativiti kanak-kanak kecil dinilai berdasarkan 13 kriteria ke atas lukisan yang dihasilkan iaitu (i) Penyambungan, (ii) Penyempurnaan, (iii) Elemen Baru, (iv) Sambungan dengan Garisan (v) Sambungan membentuk Tema (vi) Pemecahan Sempadan menjadi Bergantung terhadap Fragmen, (vii)

Pemecahan Sempadan menjadi Tidak Bergantung pada Fargmen, (viii) Perspektif , (ix) Jenaka, pengaruh, emosi, luahan perasaan, (x) Manupulasi Tak Lazim A, (xi) Manupulasi Tak Lazim B, (xii) Manupulasi Tak Lazim C dan (xiii) Manipulasi Tak Lazim D. Namun, mengikut Urban & Jellen (2010), setiap komponen tidak boleh berdiri sendiri iaitu kreativiti tidak boleh dibahagikan kepada kategori, tetapi jumlah keseluruhan skor menentukan potensi kreatif seseorang.

Berdasarkan kategori tahap kreativiti, kreativiti respondan pada Tahap Tinggi sebanyak 26 orang (52%) berbanding dengan Tahap Rendah tiada (0%) manakala Tahap Sederhana sebanyak 24 orang (48.0%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Walaupun Tahap Tinggi berada pada kedudukan teratas, namun ia cuma mewakili separuh daripada responden sahaja dan bukanlah mewakili keseluruhan pencapaian responden. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk menambah peratusan kanak-kanak kecil yang mempunyai pemikiran kreatif.

Jadual 2 Tahap Kreativiti Kanak-kanak

Tahap Kreativiti		Bilangan	Peratus
Tahap Rendah	(skor 0 -21)	0	0.0
Tahap Sederhana	(skor 22-42)	24	48.0
Tahap Tinggi	(skor 43-63)	26	52.0
Total		50	100.0

Min = 42.36 & S.P = 9.213

Tahap Amalan Pengajaran Guru

Data amalan pengajaran guru diperolehi melalui soal selidik yang dibacakan oleh penyelidik dan dijawab oleh responden (kanak-kanak). Ini adalah disebabkan pada usia begini, responden masih belum mampu untuk membaca soal selidik. Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang amalan pengajaran guru di dalam kelas prasekolah responden yang terdiri daripada Kebebasan, Integrasi, Motivasi, Penyoalan, Komunikasi Bukan Lisan, Kemesraan dan Pematuhan. Jadual 3, menunjukkan Tahap Amalan Pengajaran Guru.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 4 (8.0%) responden memberikan skor tinggi (58 - 85) bagi amalan pengajaran guru mereka. Sebanyak 44 (88.0%) responden pula memberi skor sederhana (28 - 55), manakala terdapat 2 (4.0%) responden sahaja yang memberi skor rendah (0 - 27). Min Amalan Pengajaran Guru secara keseluruhannya adalah sederhana iaitu 40.58 dengan sisihan piawai 8.75. Persoalan timbul di sini, mengapakah amalan pengajaran guru berada di tahap sederhana sahaja? Selain itu, terdapat persoalan yang perlu juga dijawab iaitu adakah guru-guru prasekolah di Malaysia kurang kompeten khususnya dalam usaha memupuk dan membangunkan potensi kreatif kanak-kanak kecil?

Jadual 3 Skor Min dan Interpretasi Tahap Amalan Pengajaran Guru

	Tahap Rendah	Tahap Sederhana	Tahap Tinggi	Min	Sisihan Piawai	Tahap purata
Amalan Pengajaran Guru	2 (4.0%)	44 (88.0%)	4 (8.0%)	40.58	8.75	Sederhana
Rendah = Skor 0 - 27		Sederhana = Skor 28 - 55				Tinggi = Skor 56 – 85

Jadual 4 menunjukkan nilai min bagi tujuh sub komponen amalan pengajaran guru iaitu Kebebasan, Integrasi, Motivasi, Penyoalan, Komunikasi Bukan Lisan, Kemesraan dan Pematuhan. Hasil analisis data

menunjukkan enam sub komponen memperoleh skor sederhana dan hampir seragam manakala satu sub komponen (Kemesraan) memperoleh skor rendah. Pematuhan memperoleh min yang tertinggi ($\text{min} = 7.34$, $s.p = 2.07$), diikuti oleh Kebebasan ($\text{min} = 6.82$, $s.p = 1.72$), Motivasi ($\text{min} = 6.26$, $s.p = 2.61$), Penyoalan ($\text{min} = 5.76$, $s.p = 2.18$), Komunikasi Bukan Lisan ($\text{min} = 5.54$, $s.p = 2.43$) dan Integrasi ($\text{min} = 5.12$, $s.p = 2.04$). Hasil analisis data juga menunjukkan Kemesraan / Pemupukan memperoleh nilai min yang terendah, iaitu ($\text{min} = 3.74$, $s.p = 2.04$).

Jadual 4 Skor Min dan Interpretasi Tahap Sub- komponen Amalan Pengajaran Guru

	Tahap Rendah	Tahap Sederhana	Tahap Tinggi	Min	Sisihan Piawai	Tahap purata
Kebebasan	5 (10%)	38 (76%)	7 (14%)	6.82	1.72	Sederhana
Integrasi	24 (48%)	22 (44%)	4 (8%)	5.12	2.04	Rendah
Motivasi	13 (26%)	24 (48%)	13 (26%)	6.26	2.61	Sederhana
Penyoalan	13 (26%)	34 (68%)	3 (6%)	5.76	2.18	Sederhana
Komunikasi Bukan Lisan	18 (36%)	26 (52%)	6 (12%)	5.54	2.43	Sederhana
Kemesraan	32 (64%)	18 (36%)	-	3.74	2.04	Rendah
Pematuhan	5 (10%)	27 (54%)	18 (36%)	7.34	2.07	Sederhana

Rendah = Skor 0 - 4

Sederhana = Skor 5 - 8

Tinggi = Skor 9 - 12

Sub Komponen Kebebasan

Merujuk Jadual 5, secara keseluruhan kebebasan yang diamalkan oleh guru di dalam kelas menunjukkan item ‘membenarkan kanak-kanak membaca apa-apa buku yang disukai di dalam kelas’ sebagai mempunyai min yang tertinggi iaitu 2.54 (s.p = .646) berbanding dengan item ‘mempamerkan hasil kerja kanak-kanak di dinding kelas’ yang mempunyai min yang terendah, iaitu 1.78 (s.p = .764). Item kedua tertinggi adalah ‘membenarkan kanak-kanak memilih permainan yang disukai’ dengan min 2.44 (s.p = .611). Ini diikuti oleh item ‘membenarkan sesiapa sahaja menjawab soalan guru’ (min = 2.26, s.p = .646), ‘membenarkan kanak-kanak membuat latihan di tempat yang disukai’ (min = 1.90, s.p = .735) dan ‘membenarkan kanak-kanak pergi ke tempat yang mereka suka’(min = 1.88, s.p = .689).

Justeru, kanak-kanak prasekolah perlu diberi rangsangan yang seluas-luasnya dengan buku-buku dan alat permainan yang pelbagai untuk mengembangkan pemikiran kreatif mereka. Berdasarkan pengalaman dan temu bual pengkaji dengan guru-guru prasekolah, guru menyatakan mereka menghadapi dilema kerana pihak pentadbir sekolah dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri menginginkan kanak-kanak ini boleh menguasai kemahiran membaca dan mengira setelah tamat pendidikan prasekolah iaitu ketika memasuki tahun satu persekolahan. Oleh itu, pendidikan prasekolah juga telah cenderung kepada berorientasikan akademik untuk memenuhi permintaan dan kehendak pihak berkepentingan di atas. Sebaliknya, tumpuan terhadap bermain dan berkreativiti ‘terpaksa’ dikurangkan.

Jadual 5 Kebebasan Dan Kreativiti Kanak-Kanak

Bil	Kebebasan	n	Skala			Min	s.p
			1	2	3		
1	Cikgu mempamerkan hasil kerja saya di dinding kelas	50	21 (42%)	19 (38%)	10 (20%)	1.78	.764
2	Cikgu membiarkan saya pergi ke mana-mana sudut (tempat) yang saya suka di dalam kelas	50	15 (30%)	26 (52%)	9 (18%)	1.88	.689

	Cikgu membiarkan (membenarkan) saya memilih permainan yang saya suka	50	3 (6%)	22 (44%)	25 (50%)	2.44	.611
3	Cikgu membenarkan sesiapa sahaja (semua orang) menjawab soalan guru)	50	6 (12%)	25 (50%)	19 (38%)	2.26	.664
4	Cikgu membiarkan (membenarkan) saya mengambil (membaca) mana-mana buku yang saya suka di dalam kelas	50	4 (8%)	15 (30%)	31 (62%)	2.54	.646
5	Cikgu membenarkan saya membuat kerja / latihan di mana-mana sahaja yang saya suka (tempat lain / bukan tempat sendiri)	50	16 (32%)	23 (46%)	11 (22%)	1.90	.735

Purata Min = 2.13

Analisis Korelasi

Analisis seterusnya iaitu ujian korelasi bagi tujuan melihat hubungan langsung amalan pengajaran guru dengan kreativiti kanak-kanak. Dapatan di Jadual 6 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dengan kreativiti ($r=0.129$, $P>0.05$). Tetapi terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah (jika berdasarkan interpretasi hubungan Cohen, 1988) antara kebebasan dengan kreativiti ($r=.378^{**}$, $P < 0.05$). Hasil analisis korelasi ini menunjukkan bahawa semakin banyak kebebasan yang diberikan oleh guru kepada kanak-kanak kecil, maka kreativiti mereka menjadi semakin tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru masih kurang memberi kebebasan kepada kanak-kanak sebaliknya menyokong pendapat yang mengatakan guru lebih menyukai kanak-kanak yang patut dan menerima kuasa guru tanpa banyak soal (Kwang & Smith, 2004; Runcio, 2003; Westby & Dawson, 1995).

Hasil analisis statistik inferensi ini menjelaskan amalan pengajaran guru tidak memberi kesan terhadap kreativiti kanak-kanak kecil kecuali komponen kebebasan. Namun hasil kajian ini bertentangan dengan pandangan yang mengatakan ganjaran atau motivasi perlu diberikan

terhadap idea-idea baharu, unik dan kreatif dari pelajar (Beghetto, 2007; Jindal-Snape, Davies, Collier, et.al., 2013).

JADUAL 6: Korelasi antara Amalan Pengajaran Guru dengan Kreativiti kanak-kanak

Pemboleh ubah	Kreativiti	
	r	P
Amalan Guru	.129	.186
Kebebasan	.373 **	.008

**. *Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).*

*. *Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).*

Hasil analisis korelasi di atas, menunjukkan bahawa kebebasan yang diberi oleh guru dapat meningkatkan daya pemikiran kreatif kanak-kanak kecil. Hasil kajian ini juga adalah selari dengan hasil kajian Hook dan Tegano (2002), yang juga menunjukkan kanak-kanak yang bebas untuk menerima atau menolak pilihan berdasarkan pilihan peribadi (kebebasan bersuara) mungkin lebih sesuai untuk menjadi kreatif dan mampu menyelesaikan masalah secara kreatif. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian Lew dan Cho (2013) yang mendapati tidak terdapat terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan kreativiti.

CADANGAN

Pengkaji menyarankan agar kajian lanjutan perlu dijalankan dengan menggunakan sampel yang lebih banyak untuk melihat tahap dan perkaitan kreativiti dengan amalan pengajaran guru. Pendekatan kualitatif menerusi kaedah pemerhatian boleh dilaksanakan sebagai satu pengukuran data kajian tinjauan. Terutama bagi aspek kebebasan yang diberikan oleh guru kepada kanak-kanak kecil. Apakah guru benar-benar memberikan kebebasan kepada kanak-kanak atau apakah kekangan yang dihadapi oleh guru untuk memberi kanak-kanak kebebasan yang dapat mengembangkan potensi kreatif mereka. Faktor lain seperti persekitaran keluarga dan tingkah laku dan kompetensi kanak-kanak juga perlu dikaji untuk mendapatkan gambaran yang lebih

menyeluruh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti kanak-kanak prasekolah. Kajian lanjutan juga boleh dibuat untuk mengkaji jenis-jenis permainan dan buku yang boleh merangsang pemikiran kreatif kanak-kanak. Seterusnya, kajian lanjutan amat perlu dilakukan untuk memahami permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru terutama dalam usaha memupuk pemikiran kreatif kanak-kanak.

KESIMPULAN

Kajian awal ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak prasekolah mempunyai kebolehan berfikir secara kreatif. Namun, hasil kajian ini juga menunjukkan peratusan kanak-kanak yang mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dan sederhana tidak banyak perbezaannya. Oleh itu, adalah disarankan kanak-kanak kecil perlu diberi lebih banyak kebebasan untuk melakukan sesuatu yang disukai untuk menggalakkan mereka berfikir secara kreatif. Kanak-kanak ini perlu dibantu supaya mereka tidak tercicir dan ketinggalan dalam pelbagai aspek berbanding dengan kawan-kawan yang lain. Pemikiran kreatif mereka juga perlu dipupuk supaya mereka mempunyai keyakinan diri dan mampu menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Sudah pasti, guru berperanan penting dalam memupuk pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah kerana pada usia ini kanak-kanak mudah dilentur dan mudah mengikut apa yang ditunjukkan oleh guru. Guru harus meningkatkan diri dengan ilmu pengetahuan seterusnya membuang sifat negatif yang ada demi kemajuan masyarakat, bangsa dan negara.

RUJUKAN

- Al-Thani, T. J. (2010). Investigating Teachers' Practices of Creative thinking Skills in Qatari Preschools. *The International Journal of Learning*. Vol 17 (5). <http://www.Learning-Journal>. [12 Mei 2012].
- Amabile, T.M. (1996). *Creativity in context: Update to The Social Psychology of Creativity*: Boulder, CO: Westview.
- Balakrishnan, G. (2002). *Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif & Kritis dalam Mata pelajaran Sejarah KBM Tingkatan 4: Satu Kajian Kes di Daerah Tampin & Rembau, Negeri Sembilan*. Tesis tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Baran, G. (2011). A Study on the Relationship between Six-Year-Old Children's Creativity and Mathematical Ability. *International Education Studies*. Vol. 4(1).
- Beghetto, R.A. (2007). Does creativity have a place in classroom discussion? Prospective teachers' response preferences. *Thinking Skills and Creativity*, 2, 1-9
- Beghetto, R.A. (2013). Nurturing creativity in the micro-moments of the classroom. K. H. Kim, J. C. Kaufman, J. Baer and B. Sriraman (Eds.), *Creatively Gifted Students are not like Other Gifted Students: Research, Theory, and Practice*, 3–16. Sense Publishers.
- Butcher, J., L & Niec, L. N. (2005): Disruptive Behaviors and Creativity in Childhood: The Importance of Affect Regulation, *Creativity Research Journal*, 17:2-3,181-193
<http://dx.doi.org/10.1080/10400419.2005.9651478>
- Chae, S. (2003). Adaptation of a picture-type creativity test for pre-school children. *Language Testing* 20 (2): 178–818.
- Chan, D. W. (2005). Family environment and talent development of Chinese gifted students in Hong Kong. *Gifted Child Quarterly*, 49(3), 211-221.
- Chávez-Eakle, R. A, Eakle, A. J. & Cruz-Fuentes, C. (2012): The Multiple Relations Between Creativity and Personality, *Creativity Research Journal*, 24(1): 76-82.
- Chien, C. Y &. Hui, Anna N.N. (2010). Creativity in early childhood education: Teachers' perceptions in three Chinese societies. *Thinking Skills and Creativity*, 5: 49-60.
- Clark, B. (2004). *Growing up gifted*. Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.
- Copley, A. (2010). Creativity in the classroom: The dark side. In D. H. Copley, A. J. Copley, J. C. Kaufman, & M. A. Runco (Eds.), *The*

dark side of creativity (pp. 297–316). New York: Cambridge University Press.

Dababneh, K., Ihmeideh, F. M. & Al-Omari, A.A. (2010). Promoting kindergarten children's creativity in the classroom environment in Jordan. *Early Child Development and Care*, Vol. 180(9): 116-1184.

Davis, G.A., & Rimm, S. (2004). *Education of the gifted and talented* (5th ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Engel, S. & Randall, K. (2009). How Teachers Respond to Children's Inquiry. *American Educational Research Journal*, Vol. 46(1): 183 – 202.

Erin O'Connor and Kathleen McCartney (2007). Examining Teacher-Child Relationships and Achievement as Part of an Ecological Model of Development. *American Educational Research Journal June 2007*, Vol. 44, No. 2, pp. 340-369

Farella, Erin Nicole. (2010). *The influence of teacher characteristics, beliefs and program quality on children's creativity*. Dissertation for Degree of Master Science. Alabama University.

Grabner, R. H., Fink, A. & Neubauer, A. (2007). Brain Correlates of Self-Rated Originality of Ideas: Evidence from Event-Related Power and Phase-Locking Changes in EEG. *Behavioral Neuroscience*, 121(1): 224-230.

Gralewski, J. & Karwowski, M. (2012). Creativity and school grades: A case from Poland. *Thinking Skills and Creativity*, 7: 198– 208.

Hamidah, M. (2004). *Strategi pengajaran komponen sastera dalam Bahasa Melayu di SMK dan SMJK di negeri Melaka*. Laporan Praktikum Sarjana Pendidikan. UKM

Hennessey, B. A. & Amabile, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology*, 61:569-598.

Heyman, G. D. & Gelman, S. A. (2000). Preschool Children's Use of Trait Labels to Make Inductive Inferences. *Jurnal of Experimental Child Psychology*, 77: 1–19.

Howard-Jones, P.A. , Taylor, J. and Sutton, L. 2002. The effects of play on the creativity of young children, Early Child Development and Care 172 (4), 323-328.

Idris, A. (2002). *Analisis Wacana Pedagogi di Sekolah: Satu Kajian Kes Laporan teknik penyelidikan SK/4/2002*. Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik. Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ikhsan, O., & Norila, M.S. (2005). *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah, Aspek-aspek yang Berkaitan*. Tanjung Malim: Quantum Books.

Irish National Teachers' Organisation. (2009). Creativity and the Arts in the Primary School. *Discussion Document and Proceedings of the Consultative Conference on Education 2009*

Jindal-Snape, D., Davies, D., Collier, C., Howe, A., Digby, R. & Hay, P. (2013). The impact of creative learning environments on learners: A systematic literature review. *Improving Schools* 16(1) 21–31. sagepub. co. Uk / journals Permissions.nav DOI: 10.1177/1365480213478461

Kampylis, P. (2010). *Fostering creative thinking - The role of primary teachers* (Jyväskylä Studies in Computing No. 115, S. Puuronen, Ed.). Jyväskylä, Finland: University of Jyväskylä. Retrieved June 10, 2011, from <http://urn.fi/URN:ISBN:978-951-39-3940-3>.

Kampylis, P, Saariluoma, P., & Berki, E. (2011). Fostering Creative Thinking: What do Primary Teachers Recommend? *Hellenic Journal of Music, Education, and Culture*. Vol. 2:46-64.

Kampylis, P., Berki, E., & Saariluoma, P. (2009). In-service and prospective teachers' conceptions of creativity. *International Journal of Thinking Skills & Creativity*, 4(1), 15–29.

Kaufman, J. C. & Sternberg, R. J. (2007). Creativity, Change: *The Magazine of Higher Learning*, 39 (4): 55-60.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen standard Kurikulum Prasekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Buku Panduan Kreativiti: Pembangunan dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Khairuddin, M. (2008). *Amalan penyerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran cerpen Komsas Bahasa Melayu*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.

Kim, Kyung Hee. (2011). The Creativity Crisis: The Decrease in Creative Thinking Scores on the Torrance Tests of Creative Thinking. *Creativity Research Journal*, 23(4): 285–295.

Kwang, N. A. & Smith, I. (2004) The Paradox of Promoting Creativity in the Asian Classroom: An Empirical Investigation, *Genetic, Social, and General Psychology Monographs*, 130:4, 307-332, DOI: 10.3200/MONO.130.4.307-332

Lau, S. & Cheung, P. C. (2010): Developmental Trends of Creativity: What Twists of Turn Do Boys and Girls Take at Different Grades?, *Creativity Research Journal*, 22(3): 329-336

Lim, S. & Smith, J. (2008). The Structural Relationships of Parenting Style, Creative Personality, and Loneliness. *Creativity Research journal*, 20(4), 412–419

Mashburn, A. J., Pianta, R. C., Hamre, B. K., Downer, J. T., Barbarin, O. A., Bryant, Burchinal, M., Early, D. M & Howes, C. (2008). Measures of classroom quality in prekindergarten and children's development of academic, language, and social skills. *Child Development*, 79:732-749.

Makhmalbaf, A. & Do, E. Y-L. (2007). Physical environment and creativity: Comparing children's drawing behavior at home and at the

bookstore. *In Proceeding of IASDR*, Hong Kong Polytechnic University School of Design, <http://www.sd.polyu.edu.hk/iasdr/>. [16 Mei 2013]

- Mohd Alias, T. (2003). *Penerapan kemahiran berfikir dalam pengajaran komponen Kesusastraan Melayu di sekolah menengah*. Tesis Sarjana. UPM.
- Muhyiddin, M.Y. (2012). Teks Ucapan di Majlis Perutusan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012.
- Neitzel, C & Stright, A. D. (2004). Parenting behaviours during child problem solving: The roles of child temperament, mother education and personality, and the problem-solving context. *International Journal of Behavioral Development*, Volume 28(2): 166-179.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norsita, A. (2005). *Tahap Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah dan hubungannya dengan Persekutaran Rumah*. Tesis Sarjana UKM.
- Norsita, A. (2014). Tinjauan Awal Interaksi Guru – Kanak-kanak dalam Pemupukan Pemikiran Kreatif Kanak-kanak Prasekolah. *In Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR*, 2014. 9-10 June 2014, Sabah Malaysia.
- Piirto, J. (1998). *Understanding those who create* (2nd ed.). Scottsdale, AZ: Gifted Psychology Press.
- Leo Ann Mean. (2008). *On Creativity: Awakening the Creative Mind*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Pianta, R., Howes, C., Burchinal, M., Bryant, D., Clifford, R., Early, C., et al. (2005). Features of pre-kindergarten programs, classrooms, and teachers: Do they predict observed classroom quality and child-teacher interactions? *Applied Developmental Science*, 9(3):144-159.

Rawat, K. J., Qazi, W. & Hamid, S. (2012). Creativity and Education. *Academic Research International*, Vol 2(2): 264-276.

Runco, M. A. (2003). Creativity, cognition, and their educational implications. In J. C. Houtz (Ed.), *The educational psychology of creativity* (pp. 25–56). Cresskill, NJ: Hampton Press.

Runco, M. (2004). Creativity. *Annual Review of Psychology*, 55, 657-687

Seman Salleh. (2004). *Interaksi Lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen Kesusastraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran B. Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. UKM.

Sharma, R. (2011). Effect of school and home environments on creativity of children. *MIER Journal of Educational Studies, Trends and Practices*, vol 1(2): 187-196.

Tareq Abdulali Al-Silami. (2010). *A Comparison of Creative Thinking and Reflective-Impulsive Style in Grade 10 Male Students from Rural and Urban Saudi Arabia*. A thesis submitted in the total fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy.

Urban, K. K. (1991). On the development of creativity in children. *Creativity Research Journal* Volume 4 (2) 177-191.

Keong, Yee Kam (2011). *You are creative. Let your creativity bloom*. Puchong Selangor. Advantage Quest Publication.

Yeh, Y-C. & Li, M-L. (2008). Age, Emotion Regulation Strategies, Temperament, Creative Drama, and Preschoolers' Creativity. *The Journal of Creative Behavior*, 42(2), 131–149.

Zabelina, D. L. & Robinson, M.D. (2010). Child's Play: Facilitating the Originality of Creative Output by a Priming Manipulation. *Psychology of Aesthetics*, 4(1): 57-65.

Zulkiflie, M.A. (2005). *Strategi pengajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di sekolah bestari: Negeri Selangor*. Darul Ehsan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan UKM.

